

## **SOROTAN PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN APLIKASI ANDROID JUZ 'AMMA VERSI BAHASA MELAYU DARI TAHUN 2016-2020**

### **THE DEVELOPMENT OF *JUZ*' *AMMA* ANDROID APPLICATION IN MALAY LANGUAGE VERSION: AN OVERVIEW OF 2016 TO 2020 ADVANCEMENT**

**Nuril Ham Al Hafizah Zahari**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: ilhamhafzh@gmail.com

**Sharifah Norshah Bani Syed Bidin**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: sharifahns@unisza.edu.my

**Syadiah Nor Wan Syamsuddin**

Fakulti Informatik dan Pengkomputeran, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Tembila, 22200 Besut, Terengganu, Malaysia  
E-mail: syadiah@unisza.edu.my

#### **ABSTRAK**

Seiring dengan kemajuan teknologi tanpa batasan pada dunia hari ini, bidang pendidikan juga tidak terkecuali dalam menerima tempas gelombang ledakan teknologi tersebut. Dalam dunia pendidikan hari ini, para guru telah mula menggunakan teknologi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini dilakukan bagi menyorot pembangunan aplikasi al-Quran Juz 'Amma yang digunakan secara meluas melalui telefon pintar android dari segi tilawah, tajwid, hafazan, dan tafsir al-Quran dari tahun 2016 hingga 2020 yang menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif iaitu berkaitan dengan aplikasi yang dapat diakses melalui telefon pintar yang menggunakan sistem operasi Android. Kajian turut difokuskan kepada analisis isi kandungan dan reka bentuk aplikasi Juz 'Amma terhadap perkembangan, kegunaan dan sambutan terhadap aplikasi tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai jenis aplikasi al-Quran Juz 'Amma dalam bahasa Melayu yang terdapat di pasaran. Namun, secara keseluruhannya ia tidak memfokuskan kepada komponen yang diperlukan dalam sesuatu aplikasi al-Quran yang lengkap iaitu tilawah, tajwid, hafazan dan tafsir di dalam satu aplikasi. Oleh itu, penyelidik membuat kajian ini bagi membolehkan para guru Pendidikan Islam dan murid

mengenal pasti aplikasi al-Quran Juz 'Amma yang sesuai digunakan sebagai bahan PdP di dalam kelas dan juga akses sendiri.

**Kata kunci:** Al-Quran, Juz 'Amma, Teknologi, Aplikasi Android, Pendidikan Islam.

## ABSTRACT

Along with the limitless advancement of technology in the world today, the field of education is no exception in receiving the effect of the wave of technological explosion. In today's world of education, teachers have begun to use technology in teaching and learning (PdP) sessions. This study was conducted to highlight the development of the Quran *juz* 'amma applications in Malay language from 2016 to 2020 that widely used in Android smartphones in terms of their recitation, *tajwid*, memorisation and interpretation of the Quran. In this regard, this content analysis study also focused on the application design of *juz* 'amma from the early development up until the use and response towards the application. The study found that there are different types of the Quran *juz* 'amma applications in the Malay language available on the market. Yet, this study found that they do not focus on the components required in a complete application of the Qur'an, namely recitation, *tajwid*, memorisation and recitation all-inclusive in one application. Therefore, this study is also to enable the researchers to suggest Islamic Education teachers and students in identifying the appropriate application of the Quran *juz* 'amma that can be used as PdP materials in the classroom as well as self-access level.

**Key words:** Al-Quran, *Juz* 'Amma, Technology, Android Applications, Islamic Education.

## 1. PENGENALAN

Teknologi yang berkembang pesat hari ini membolehkan maklumat diterima dengan cepat dan pantas tanpa batasan masa dan tempat. Dalam dunia pendidikan juga, kemajuan teknologi turut diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi membolehkan sesi PdP ini berjalan lancar serta mengikuti arus kemajuan teknologi. Dalam pendidikan abad ke-21 hari ini, murid-murid dilatih untuk memiliki kemahiran yang boleh digunakan pada masa akan datang seperti kemahiran komunikasi yang baik, mampu berkolaborasi dan menyelesaikan masalah berdasarkan kepada realiti kehidupan.<sup>1</sup>

Dengan kemunculan pelbagai jenis telefon pintar serta komputer yang mempunyai pelbagai variasi unit sistem pemrosesannya, secara tidak langsung sesi PdP dapat dilakukan mengikut arus kemodenan. Disebabkan itu, pendidikan pada abad-21 perlu mengambil kira teknologi

---

<sup>1</sup> Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khodijah Abdul Rahman, & Nurul Nadhirah Shahabudin (2018). "Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan Abad 21", Kertas dibacakan di International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018). Palm Garden Hotel, Putrajaya.

terkini yang boleh diaplikasikan secara langsung dalam PdP. Ini kerana, pelajar pada hari ini dilahirkan dengan pelbagai jenis gadget dan aplikasi yang mampu memberikan terlalu banyak maklumat dan pengetahuan kepada mereka.<sup>2</sup> Antara teknologi yang boleh digunakan dalam pendidikan abad ini adalah teknologi informasi dan komunikasi (ICT) di mana PdP dapat dilakukan dengan mudah hanya melalui teknologi telefon pintar dan komputer.

Aplikasi telefon pintar merupakan aplikasi yang dibina bagi membolehkan pengguna mengakses aplikasi tersebut di telefon pintar, tablet dan juga gajet mudah alih lain. Manakala, perisian komputer pula merupakan perisian yang boleh digunakan dengan menggunakan komputer. Aplikasi dan perisian ini boleh ditemui dengan mudah di pasaran. Namun begitu, ia terhad kepada jenis unit pemprosesan di mana pengguna Android dan iOS di seluruh dunia lebih mendominasi berbanding dengan sistem operasi lain seperti Samsung, KaiOS, Windows dan lain-lain lagi iaitu masing-masing 71.93% dan 27.47%.<sup>3</sup>

Android adalah nama bagi perisian sistem operasi (*operating system software*) yang dibangunkan oleh Google LLC. Ia bertanggungjawab dalam mengatur setiap aspek fungsi perisian yang dipasang di dalam peranti telefon serta bertindak sebagai medan utama (*host*) kepada aplikasi-aplikasi lain yang dipasang pada peranti telefon pintar.<sup>4</sup> Manakala, iOS pula adalah nama bagi sistem operasi peranti yang dikeluarkan oleh Apple Inc. Ia direka khas untuk kegunaan peranti keluaran mereka iaitu iPhone, iPad dan iPod Touch. Sistem operasi iOS juga berbeza dengan sistem operasi lain kerana ia direka dengan sistem keselamatan tersendiri.<sup>5</sup> Namun, di Malaysia, pengguna Android lebih ramai berbanding pengguna iOS iaitu 76.63%.<sup>6</sup> Ini menunjukkan bahawa sistem operasi Android lebih popular dalam kalangan pengguna.

Seperti yang sedia maklum, bahasa yang digunakan di dalam buku teks Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pula menggunakan bahasa Melayu tetapi bertulisan Jawi. Di dalamnya, terkandung tujuh pembahagian tema iaitu al-Quran, hadith, jawi,

---

<sup>2</sup> Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib (n.d). "Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 Dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah", *Jurnal Pemikir Pendidikan* 7 (2016), 44–56.

<sup>3</sup> GStatcounter GlobalStats (2021). "Mobile Operating System Market Share Malaysia Jan 2020- Jan 2021". GStatcounter GlobalStats. Retrieved from: <https://gs.statcounter.com/os-market-share/mobile/malaysia>.

<sup>4</sup> Nuril Ham Al Hafizah (2018). *Pembangunan Aplikasi Android Mesra Pengguna Untuk Kalam Suruhan Surah al-Baqarah*. Tesis Sarjana, Universiti Sultan Zainal Abidin, 8.

<sup>5</sup> Daniel Nations (2019). "What Is The iPhone OS (iOS)?" Lifewire. Retrieved from: <https://www.lifewire.com/what-is-ios-1994355>.

<sup>6</sup> GStatcounter GlobalStats (2021). "Operating System Market Share Worldwide Jan 2020- Jan 2021". GStatcounter GlobalStats. Retrieved from: <https://gs.statcounter.com/os-market-share/mobile/worldwide>.

akidah, ibadah, sirah adab dan jawi.<sup>7</sup> Namun begitu, topik berkaitan al-Quran lebih dititikberatkan di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kerana ia adalah asas tunjang kehidupan beragama. Ini kerana, al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang menjadi pedoman kepada seluruh manusia di muka bumi. Tujuan al-Quran diturunkan adalah untuk membimbing manusia ke arah kebenaran. Al-Quran adalah penyuluh kehidupan yang membawa mereka menjauhi kegelapan.<sup>8</sup>

Oleh itu, penyelidik mengambil inisiatif untuk mengetengahkan aplikasi al-Quran Juz 'Ammah yang terkini di mana ia boleh diakses melalui telefon pintar yang menggunakan android sebagai sistem operasi. Ini kerana, kebanyakan aplikasi yang dimuat naik oleh pereka aplikasi di pasaran juga adalah untuk pengguna android. Aplikasi yang dipilih bagi kajian pula adalah aplikasi al-Quran Juz 'Ammah dalam bahasa Melayu dan Indonesia di mana ia boleh digunakan sebagai alat bantu mengajar dan pembelajaran sendiri bagi guru Pendidikan Islam dan para murid.

Jadi, terdapat dua objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini. Pertama, mengenal pasti jenis aplikasi al-Quran Juz Amma di pasaran yang boleh diakses melalui telefon pintar android. Manakala, objektif kedua kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis perkembangan dan sambutan aplikasi Juz 'Ammah berdasarkan reka bentuk, isi kandungan serta kegunaan aplikasi tersebut.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif berkaitan dengan aplikasi yang dapat diakses melalui telefon pintar yang menggunakan sistem operasi Android. Kesemua aplikasi yang dikaji adalah terdiri daripada aplikasi dalam bahasa Melayu kerana fokus kajian ini adalah sebagai bahan PdP Pendidikan Islam di mana ia menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu di dalam buku teks tersebut. Namun begitu, aplikasi dalam bahasa Indonesia juga dipilih kerana ia merupakan rumpun bahasa Melayu dan juga dapat difahami oleh orang yang memahami bahasa Melayu. Aplikasi yang dipilih adalah bermula dari tahun 2016 sehinggalah 2020 kerana lima tahun ke belakang merupakan sumber terbaru dan sesuai untuk dikaji. Tambahan lagi, setiap aplikasi akan sentiasa berubah dan dikemaskini sesuai dengan kecanggihan teknologi pada setiap tahun. Maklumat tepat terhadap sesebuah tarikh aplikasi yang dimuat naik adalah dirujuk melalui laman web Google Play melalui pautan <http://www.play.google.com>.

Aspek yang ditekankan bagi kajian ini pula adalah dari segi reka bentuk dan isi kandungannya kerana dua aspek itu merupakan penentu kepada keberjayaan sesuatu aplikasi untuk dimuat turun

---

<sup>7</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (n.d). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran-Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 6*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t, 3.

<sup>8</sup> Manna' al Khalil al-Qattan (1973M/1393H). *Mabahith Fi al-'Ulum al-Quran*. Riyadh: Mansyurat al-A'sr al-Hadith.

oleh pengguna. Bagi aspek reka bentuk, perkara yang dikaji meliputi tema, warna dan fungsi. Manakala, bagi aspek isi kandungan pula, perkara yang dikaji dari segi aspek tilawah, hafazan, tajwid, tafsir, bahasa 'Arab, sebab turun surah, permainan dan lain-lain fungsi yang ditawarkan serta analisis pada isi kandungan aplikasi itu sendiri. Selain itu, kajian juga difokuskan kepada ulasan terhadap perkembangan aplikasi dari tahun ke tahun, kegunaannya kepada murid-murid sekolah rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan sambutan orang ramai terhadap aplikasi yang dikaji.

### 3. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini adalah pengkategorikan aplikasi al-Quran Juz 'Amma berdasarkan tahun aplikasi tersebut dimuat naik ke pasaran Google Play iaitu dari tahun 2016 hingga 2020. Antara aplikasi tersebut adalah Belajar Juz Amma Bagian 2, Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan, Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap, Hafalan Juz Amma, dan Juz Amma Anak. Dalam kajian ini, aspek yang dikupas adalah pengenalan terhadap aplikasi, kelebihan, kegunaan dan sambutan terhadap aplikasi tersebut. Kupasan yg dimaksudkan dikategorikan sebagaimana berikut:

#### **Pertama: Belajar Surat Pendek Bagian 2 (Tahun 2016)**

Aplikasi Belajar Surat Pendek Bagian 2<sup>9</sup> ditawarkan oleh Annisa Cipta Informatika. Dimuat naik ke pasaran pada 2 Januari 2016 dan kemaskini terakhir adalah pada 9 Jun 2019, sehingga kemaskini terakhir ia telah mencapai 100,000 muat turun oleh pengguna. Saiznya adalah 6.90 MB (*MegaBytes*) dan versinya sekarang adalah 2.12b. Ia dilabel sebagai 3+, iaitu sesuai digunakan oleh semua peringkat umur. Ia juga boleh digunakan secara luar talian.

Aplikasi ini merupakan kesinambungan aplikasi Juz Amma yang direka pada tahun 2015 dan ia mempunyai aplikasi sambungan iaitu Belajar Juz Amma Bagian 3. Reka bentuk papan pemuka aplikasi ini sangat menarik dan sesuai dengan minat kanak-kanak di mana pereka menciptanya dengan meletakkan gambar kartun berwarna. Tulisan dan warnanya juga direka berwarna-warni kerana aplikasi ini direka khas untuk pengguna kanak-kanak.

Kerana aplikasi ini merupakan aplikasi bersambung, maka untuk versi ini ia ini mengandungi 12 surah Juz 'Amma iaitu bermula dari surah al-Balad (surah ke-90) sehinggalah surah al-Qariah (surah ke 101). Ia direka khas bagi memudahkan kanak-kanak belajar membaca al-Quran dan menghafal surah pendek. Setiap surah dilengkapi dengan ilustrasi kartun menarik berserta ayat al-Quran dalam bahasa Arab, tulisan latin dan terjemahan.

Selain itu, aplikasi ini juga dapat menarik kanak-kanak untuk menggunakannya kerana pereka menyediakan suara qariah kanak-kanak bernama Amira. Selain itu, pereka juga menyediakan fungsi tukar audio bacaan dengan audio koleksi sendiri. Ini bermakna, pengguna

---

<sup>9</sup> Annisa Cipta Informatika (2016). "*Belajar Surat Pendek Bagian 2*". Annisa Cipta Informatika. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=rpn.android.juzamma2>.

boleh mendengar suara bacaan sendiri jika mereka tidak mahu mendengar audio qariah yang disediakan. Selain itu, pengguna juga boleh memilih untuk memberhentikan audio bacaan dengan mudah sama ada melalui menekan ikon tutup suara ataupun menekan skrin selama dua saat sahaja.



Rajah 1: Belajar Surat Pendek Bagian 2 (2016)

Dari segi sambutan terhadap aplikasi, ia telah diberikan 4.7 bintang daripada 5 bintang (4.7/5 star) oleh 1000 orang pengguna. Antara komentar pengguna adalah ia dapat membantu anak menghafaz al-Quran (Rahayu Utami, 11 Januari 2017), aplikasi bagus dan menarik minat anak-anak (Safrida Rumondang, 25 April 2016), ia bermanfaat untuk menghafal Juz 'Amma dan ilustrasi di dalam aplikasi juga sangat membantu (Anzaldi Sulaiman Oemar, 3 Januari 2016), serta ia membuatkan anak-anak semakin bersemangat untuk menghafal al-Quran (Pengguna Google, 9 Oktober 2016).

Bagi kegunaan kanak-kanak di Malaysia, aplikasi ini tetap sesuai digunakan oleh mereka walaupun terjemahan yang disediakan dalam bahasa Indonesia. Dengan bimbingan ibu bapa dan guru, mereka boleh memahami terjemahan tersebut dengan sebaik mungkin. Selain itu, aplikasi ini juga membantu mereka dalam tilawah dan hafazan. Oleh itu, ia dapat membantu para guru mata pelajaran Pendidikan Islam dalam membimbing penguasaan al-Quran murid-murid mereka. Namun begitu, untuk fungsi lain seperti tafsir dan tajwid, ia tidak disediakan. Oleh itu, pengguna perlu mencari aplikasi lain bagi mengetahui tafsir 12 surah tersebut.

## Kedua: Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan (Tahun 2017)

Aplikasi Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan<sup>10</sup> ditawarkan oleh Barokah Studio. Dimuat naik ke pasaran pada 4 Januari 2017 dan kemaskini terakhir adalah pada 3 Disember 2020, sehingga kemaskini terakhir ia telah mencapai 100,000 muat turun oleh pengguna. Saiznya adalah 47.63 MB (*MegaBytes*) dan versinya sekarang adalah 3.6. Ia dilabel sebagai 3+, iaitu sesuai digunakan oleh semua peringkat umur. Ia juga boleh digunakan secara luar talian.

Dari aspek reka bentuk, aplikasi ini memudahkan pengguna untuk mengaksesnya dengan memberikan efek papan muka yang menenangkan mata di mana hanya warna putih sahaja digunakan. Ikon yang dipaparkan bagi membolehkan pengguna ke fungsi yang dikehendaki juga mudah difahami. Ditambah dengan pereka meletakkan label, ia memberi nilai tambah kepada kefahaman pengguna.


Bagi aspek isi kandungan pula, selain daripada mempunyai Juz 'Amma, pereka turut meletakkan fungsi hafazan. Di sini, pereka membahagikan surah kepada beberapa ayat dalam satu hari untuk dihafal sebelum pengguna boleh beralih ke hafalan seterusnya. Sebagai contoh, pengguna boleh menghafal 40 ayat daripada surah al-Naba selama lima hari berpandukan kepada jadual hafazan.

Aplikasi ini juga membolehkan pengguna mendengar bacaan al-Quran MP3 yang diperdengarkan oleh qari Ahmad Saud, Abdul Rahman al-Sudais dan Abdullah al-Matrud. Selain itu, perumian al-Quran Juz 'Amma bahasa Arab dan terjemahannya turut boleh didapati di dalam aplikasi ini. Hukum tajwid berserta penerangan dan contoh beraudio, tafsir surah, cara menghafal Juz 'Amma dan lain-lain lagi fungsi yang turut dimuat naik ke dalam aplikasi ini menjadikannya sebagai aplikasi yang sangat membantu para pengguna untuk lebih memahami al-Quran Juz 'Amma.

Aplikasi ini diberikan rating 4.7 bintang daripada 5 bintang (4.7/5 star) oleh 2000 orang pengguna. Antara komentar pengguna bagi aplikasi ini pula adalah ia membolehkan pengguna belajar al-Quran (Nur Afiqah, 7 Disember 2020), sangat selesa digunakan untuk belajar dan membaca (Hadiarto Mangunegoro, 10 Oktober 2020), membantu menambahkan ilmu Pendidikan al-Quran (Kinar Maheswari Kinarathya Jatnika, 10 Julai 2020) dan dapat membantu pengguna yang baru mulai membaca Juz 'Amma (Parvez Rahman, 29 November 2020).

---

<sup>10</sup> Barokah Studio (2017). "*Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan*". Barokah Studio. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.juzammalengkap.juz30quran>.



Rajah 2: Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan (2017)

Dalam membantu murid-murid sekolah rendah di Malaysia memahami al-Quran Juz 'Amma, hanya beberapa fungsi sahaja dapat digunakan oleh mereka iaitu fungsi teks al-Quran, hafazan, audio bacaan dan juga ilmu tajwid. Di sini, ia dapat membantu para guru Pendidikan Islam dalam membimbing penguasaan al-Quran murid-murid mereka dari segi tilawah, hafazan dan tajwid. Namun begitu, untuk fungsi tafsir, isi kandungan tafsir yang digunakan adalah kurang sesuai dengan tahap kefahaman kanak-kanak.

### Ketiga: Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap (Tahun 2018)

Aplikasi Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap<sup>11</sup> ditawarkan oleh FunEduProjects. Dimuat naik ke pasaran pada 29 Januari 2018 dan kemaskini terakhir 11 November 2018, sehingga kini ia telah mencapai 50,000 muat turun oleh pengguna. Saiznya adalah 54.66 MB (*MegaBytes*) dan versinya sekarang adalah 1.6. Ia dilabel sebagai 3+, iaitu sesuai digunakan oleh semua peringkat umur. Ia juga boleh digunakan secara luar talian.

Reka bentuk aplikasi ini sangat menarik dengan penggunaan warna-warni yang ceria. Tulisan yang digunakan juga sesuai dengan tahap kanak-kanak yang sukakan sesuatu yang bukan pegun. Ikon yang digunakan juga adalah menggunakan ilustrasi kartun berwarna. Selain itu, papan pemuka yang digunakan juga sangat sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak di mana gambar latar belakang tidak terlalu formal.

Aplikasi ini terbahagi kepada dua isi kandungan utama iaitu Juz 'Amma dan e-Iqra'. Dalam menu Juz 'Amma, ia mengandungi 30 surah bermula surah al-Fatihah, al-Nas sehinggalah al-Naba. Setiap surah dilengkapi dengan ayat tilawah dalam bahasa Arab, perumian bahasa Arab

<sup>11</sup> FunEduProjects (2018). "Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap". FunEduProjects. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=nda.abl.sfi.juzamma.iqro>.



iaitu tulisan latin dan juga terjemahan ayat. Di sini, pengguna boleh mendengar bacaan al-Quran MP3 yang disampaikan oleh qari Muhammad Taha al-Junaid.

Seterusnya, untuk fungsi e-Iqra, ia merupakan pendigitalan buku Iqra' karya As'ad Humam. Di dalam aplikasi ini, pereka membawakan enam jilid buku Iqra' tersebut iaitu Jilid Satu, Dua, Tiga, Empat, Lima dan Enam dengan tambahan fungsi pengenalan Huruf Hijaiyah. Dengan menggunakan aplikasi ini, pengguna boleh belajar iqra' walaupun tidak mempunyai buku Iqra' versi cetak.

Aplikasi ini mendapat rating 4.4 bintang daripada 5 bintang (4.4/5 star) oleh seramai 1000 orang pengguna telah memberikan rating. Antara komentar pengguna terhadap aplikasi pula adalah ia bagus untuk kanak-kanak (Ayun Esti, 31 Januari 2019), aplikasi yang sangat bagus kerana boleh mendengar audio bacaan tanpa perlu memuat turun fail audio (Mega Tahir, 16 Februari 2019), bacaan al-Quran di dalam aplikasi disukai oleh kanak-kanak (Rapidah Yakup, 11 Februari 2019) dan aplikasi ini memudahkan kanak-kanak untuk mengikuti belajarnya (Dessy Ria Yunita, 30 Mac 2019).



Rajah 3: Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap (2018)


Bagi membantu murid-murid di Malaysia menguasai al-Quran, aplikasi ini sangat membantu dari segi tilawah, terjemahan, hafazan dan bacaan yang tepat menerusi audio bacaan yang dibawakan oleh qari kanak-kanak. Dengan itu, para guru mata pelajaran Pendidikan Islam juga dapat membimbing penguasaan al-Quran murid-murid mereka. Namun begitu, ia masih lagi boleh dipertingkatkan pada masa akan datang dengan menambahkan lagi fungsi tajwid, permainan dan tafsir bagi menarik lagi minat kanak-kanak untuk menggunakannya.

### Keempat: Hafalan Juz Amma (Tahun 2019)

Aplikasi Hafalan Juz Amma<sup>12</sup> ditawarkan oleh Mung Media. Dimuat naik ke pasaran pada 3 November 2019 dan kemaskini terakhir 12 September 2020, sehingga kini ia telah mencapai 10,000 muat turun oleh pengguna. Saiznya adalah 4.06 MB (*MegaBytes*) dan versinya sekarang adalah 1.0.3. Ia dilabel sebagai 3+, iaitu sesuai digunakan oleh semua peringkat umur. Ia juga boleh digunakan secara dalam talian dan luar talian. Namun begitu, untuk menggunakannya di luar talian, pengguna perlu memuat turun dahulu audio bacaan surah.

Ia direka bentuk dengan rekaan papan muka yang sangat baik dan tidak serabut. Rekaan tema keseluruhan adalah berwarna hijau dan ia memberikan efek 'sejuk' pada mata. Ikon yang digunakan juga adalah ringkas dan tulisannya direka dengan warna berbeza bagi memudahkan pengguna untuk membaca tulisan di dalam ikon tersebut. Aplikasi ini juga memudahkan pengguna untuk membesarkan dan juga mengecilkan teks melalui fungsi butang khas *zoom in* dan *zoom out*.

Seperti kebanyakan aplikasi lain yang terdapat di pasaran, aplikasi ini juga mendatangkan isi kandungan sama di mana di dalamnya, terdapat ayat al-Quran bertulisan Arab dan juga terjemahan. Di dalam satu muka, terdapat semua surah di dalam Juz 'Amma kecuali surah al-Fatihah. Namun begitu, pereka memasukkan doa khatam al-Quran di dalam aplikasi ini. Di sini, antara perkara yang boleh dilakukan oleh pengguna ketika menggunakan aplikasi ini adalah tilawah al-Quran, hafazan dan juga membaca terjemahan surah.



Rajah 4: Hafalan Juz Amma (2019)

<sup>12</sup> Mung Media (2019). "Hafalan Juz Amma". Mung Media. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.mungmedia.juzamma>.

Bagi audio bacaan al-Quran pula, pereka mendatangkan qari Syeikh Nabil al-Rifay untuk membacakan semua surah. Pengguna memerlukan talian internet untuk mendengarkan bacaan ini. Walau bagaimanapun, pengguna boleh mendengarnya secara luar talian jika mereka telah memuat turun fail audio tersebut. Di sini juga, pengguna boleh mengulang dengar sehinggalah mereka mengingati bacaan yang betul terhadap surah tersebut.

Bagi aplikasi ini, ia diberikan rating 4.9 bintang daripada 5 bintang (4.9/5 star) oleh seramai 439 orang pengguna. Antara komentar pengguna yang diberikan terhadap aplikasi ini pula adalah ia mudah digunakan (Md Al-faizal Othman, 26 Januari 2021), ringkas dan sangat membantu (Rida Sahridah, 5 Jun 2020), sangat bagus dan bermanfaat (Margono Alih, 14 Februari 2021), dan mesra pengguna (Yudith HSB, 3 November 2020).

Bagi pengguna dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia, ia sangat membantu penguasaan hafazan, tilawah dan kefahaman mereka terhadap Juz 'Amma. Ia juga sangat berguna dalam membantu guru Pendidikan Islam untuk membimbing murid-murid dalam menguasai perkara asas al-Quran. Namun begitu, untuk perkara lain seperti tajwid, tafsir, bahasa 'Arab dan juga hal lain yang berkaitan dengan al-Quran, ia tidak membantu. Oleh itu, pereka mungkin boleh memasukkan elemen tersebut dalam penambahbaikan aplikasi pada masa akan.

#### **Kelima: Juz Amma Anak (Tahun 2020)**

Aplikasi Juz Amma Anak<sup>13</sup> ditawarkan oleh Hybriddev Studio. Dimuat naik ke pasaran pada 13 Januari 2020 dan kemaskini terakhir 29 Januari 2021, sehingga kini ia telah mencapai 5,000 muat turun oleh pengguna. Saiznya adalah 28 MB (*MegaBytes*) dan versinya sekarang adalah 10.0. Ia dilabel sebagai 3+, iaitu sesuai digunakan oleh semua peringkat umur. Ia juga boleh digunakan secara luar talian.

Rekaan aplikasi ini sesuai dengan kecenderungan kanak-kanak dalam menggunakannya iaitu pereka menggunakan latar belakang, ikon, dan butang berwarna-warni. Selain itu, jenis tulisan dan warnanya juga dapat menarik minat mereka untuk menggunakannya. Rekaan juga kemas dengan pengguna dihadang dengan audio muzik latar belakang sebaik sahaja membuka aplikasi ini. Namun, pengguna boleh memilih untuk menutupnya dengan menekan ikon pembesar suara. Selain itu, butang tersebut juga dilengkapi efek bunyi dan gerakan apabila pengguna menekannya.


Di dalam aplikasi ini, pereka membahagikan isi kandungannya kepada dua kategori utama iaitu al-Quran yang diletakkan ikon buku dan juga kategori ujian dengan ikon bertulisan 'Menguji'. Bagi kategori al-Quran, di dalamnya terdapat semua surah dalam Juz 'Amma. Pengguna boleh meleretkan butang turun bagi melihat keseluruhan butang surah iaitu bermula dengan surah al-Naba sehingga surah al-Nas. Di bahagian ini, ia mengandungi ayat al-Quran

---

<sup>13</sup> Hybriddev Studio (2020). "Juz Amma Anak". Hybriddev Studio. Retrieved from: [https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hybrid.juz\\_amma](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hybrid.juz_amma).

dalam bahasa Arab, tulisan latin, dan terjemahan. Selain itu, pengguna turut disediakan dengan audio bacaan surah. Pengguna boleh memilih untuk mendengar ayat yang tertentu ataupun mendengar keseluruhan surah.

Bagi kategori kedua iaitu kategori ujian, pengguna memiliki lima pilihan ujian iaitu Tebak bacaan, Tebak Bacaan 2, Tebak Erti, Tebak Surah dan Lanjutkan Bacaan. Setiap ujian direka dengan konsep permainan iaitu dilengkapi dengan jumlah jawapan betul dan juga masa yang diambil untuk menjawab keseluruhan soalan. Soalan yang diberikan pada bahagian ini dapat menguji minda pengguna setelah belajar surah-surah di dalam Juz 'Amma. Setiap jawapan yang betul diberikan pujian, manakala jawapan yang salah diberikan dorongan agar mencuba lagi.



Rajah 5: Juz Amma Anak (2020)

Aplikasi ini diberikan rating 4.4 bintang daripada 5 bintang (4.4/5 star). Oleh kerana aplikasi ini masih baru dimuat naik, hanya seramai 87 orang pengguna sahaja telah memberikan rating setakat ini. Antara komentar yang diberikan oleh pengguna pula adalah aplikasi ini sangat bagus dan mudah digunakan (Siti Fathimah, 9 Januari 2021), aplikasi yang bagus (Iqlima Iqbal, 10 Januari 2021) dan aplikasi ini membuatkan pengguna menjadi lebih bijak (Sharviora Isfahani, 14 September 2020).

Bagi kegunaan kanak-kanak di Malaysia, aplikasi ini sangat baik untuk digunakan dalam proses tilawah al-Quran, hafazan dan juga sebagai penguji memori hafazan. Dengan kelebihan yang bercirikan permainan luar talian, kanak-kanak lebih suka untuk menggunakannya dan para ibu bapa juga tidak perlu risau akan keperluan data internet. Para guru Pendidikan Islam juga boleh menggunakan aplikasi ini untuk menguji minda tahap hafazan murid-murid mereka. Namun begitu, pereka aplikasi mungkin boleh mempertimbangkan pada

masa akan datang untuk memasukkan ciri lain seperti tajwid dan tafsir serta info surah berkaitan Juz 'Amma.

#### 4. KESIMPULAN

Terdapat pelbagai jenis aplikasi Juz Amma di pasaran yang terdiri daripada pelbagai reka bentuk, isi kandungan, bahasa dan kebolehgunaannya sama ada dengan menggunakan telefon pintar ataupun komputer. Sehingga ke hari ini, terdapat pelbagai lagi ciri-ciri yang ditambah baik dari semasa ke semasa di dalam aplikasi tersebut seperti fungsi carian, tema yang boleh diubah, fokus zom dan lain-lain lagi. Selain itu, isi kandungannya juga memenuhi keperluan Muslim sebagai rujukan yang mudah dan cepat. Tambahan pula, aplikasi-aplikasi ini sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa. Oleh itu, kajian ini penting bagi membolehkan murid-murid menggunakan aplikasi ini bagi membantu mereka belajar secara pembelajaran sendiri di rumah. Selain itu, ia juga penting kepada guru Pendidikan Islam untuk menjadikannya sebagai sebagai alat bantuan PdP di abad ke-21.

#### PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA atas kemudahan yang diberikan kepada penyelidik untuk menyiapkan artikel ini dengan jayanya.

#### RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Qattan, Manna' al Khalil (1973M/1393H). *Mabahith Fi al- 'Ulum al-Quran*. Riyadh: Mansyurat al-A'sr al-Hadith.
- [2] Annisa Cipta Informatika (2016). "*Belajar Surat Pendek Bagian 2.*" Annisa Cipta Informatika. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=rpn.android.juzamma2>.
- [3] Barokah Studio (2017). "*Juz Amma Offline - MP3 & Terjemahan.*" Barokah Studio. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.juzammalengkap.juz30quran>.
- [4] Daniel Nations (2019). "*What Is The iPhone OS (iOS)?*" Lifewire. Retrieved from: <https://www.lifewire.com/what-is-ios-1994355>.
- [5] FunEduProjects (2018). "*Juz Amma dan Iqro Anak Lengkap.*" FunEduProjects. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=nda.abl.sfi.juzamma.iqro>.

- [6] GStatcounter GlobalStats (2021). “*Mobile Operating System Market Share Malaysia Jan 2020- Jan 2021.*” GStatcounter GlobalStats. Retrieved from: <https://gs.statcounter.com/os-market-share/mobile/malaysia>.
- [7] GStatcounter GlobalStats (2021). “*Operating System Market Share Worldwide Jan 2020- Jan 2021.*” GStatcounter GlobalStats. Retrieved from: <https://gs.statcounter.com/os-market-share/mobile/worldwide>.
- [8] Hybriddev Studio (2020). “*Juz Amma Anak.*” Hybriddev Studio. Retrieved from: [https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hybrid.juz\\_amma](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hybrid.juz_amma).
- [9] Kementerian Pendidikan Malaysia (n.d). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran- Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 6. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t. 3.*
- [10] Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib (n.d). “*Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 Dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah.*” *Jurnal Pemikir Pendidikan* 7 (2016), 44–56.
- [11] Mung Media (2019). “*Hafalan Juz Amma.*” Mung Media. Retrieved from: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.mungmedia.juzamma>.
- [12] Nuril Ham Al Hafizah (2018). “*Pembangunan Aplikasi Android Mesra Pengguna Untuk Kalam Suruhan Surah al-Baqarah*”. Tesis Sarjana, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- [13] Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khodijah Abdul Rahman, & Nurul Nadhirah Shahabudin (2018). “*Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan Abad 21.*” Kertas dibacakan di International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018), Palm Garden Hotel, Putrajaya.